

# Nisa bangkit biarpun kudung kaki kanan

➔ Persiap diri dengan kemahiran masak, menjahit jika tidak berjaya ke universiti

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

► Banting

Seorang remaja perempuan yang kudung kaki kanannya mempelbagaikan kemahiran dengan belajar memasak dan menjahit sebagai persediaan untuk menara kehidupannya pada masa depan.

Malah, Nisa Ubaidah Zailan, 18, yang kehilangan kakinya akibat kemalangan hampir setahun lalu kini membuat dan menjual biskut emping jagung madu untuk menambah duit poket jika berjaya ke universiti.

Beliau berkata, kekurangan itu tidak melemahkan semangatnya untuk mempelajari kemahiran dan bangkit semula daripada musibah yang menimpa dirinya. Namun, Nisa yang kehilangan kaki kanan dalam satu kemalangan, tiga bulan sebelum menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran



Nisa Ubaidah yang kehilangan kaki kanannya selepas terabit kemalangan tahun lalu sentiasa dibantu ibunya, Alzana.

Malaysia (SPM) mengakui hampir berputus asa dengan hidup kerana tidak tahan menanggung kesakitan.

**Sebulan terlantar di hospital**  
"Kemalangan itu berlaku tiga bulan sebelum peperiksaan SPM dan saya mengambil masa untuk sembuh kerana pernah terjatuh dan luka jahitan terbuka.

"Sebulan saya terlantar di hospital dan saya turut dinasihati guru supaya menanggung dahulu peperiksaan SPM ke tahun ini berikutan kesihatan yang tidak mengizinkan.

"Bagaimanapun, saya nekad untuk terus menduduki SPM kerana tidak mahu ketinggalan dengan rakan-rakan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Olak Lempit, sini.

Nisa berkata, tidak mahu membuang masa, ketika menunggu keputusan SPM, beliau sempat menghadiri kelas memasak bersama kakitangan serta penghuni Rumah

Anak Yatim As-Solihin di Kanchong Darat.

Katanya, selepas mengikuti kelas berkenaan, ia yang secara tidak langsung meningkatkan keyakinannya.

**Seronok belajar memasak**

"Saya cukup seronok belajar memasak di rumah anak yatim itu dan kini saya boleh membuat beberapa jenis kuih dan biskut seperti apam Perlis dan biskut emping jagung madu untuk dijual di sekitar Banting.

"Bagaimanapun, tidak banyak yang boleh saya buat kerana kekurangan memasak sangat terhad dan saya juga kekurangan modal untuk membeli barangan berkenaan. Justeru, saya membuatnya secara kecil-kecilan bersama emak," katanya.

Nisa berkata, sambil menunggu panggilan kedua untuk kelayakan ke universiti, beliau juga mengambil kelas menjahit sebagai persediaan jika tidak berjaya ke

menara gading.

"Dulu saya tidak minat belajar kemahiran tetapi selepas menyertai kelas memasak, minat itu timbul dengan sendiri.

"Malah, jika gagal ke universiti pun, sekarang kurangnya saya ada kemahiran yang boleh digunakan untuk menara kehidupan," katanya.

Sementara itu, ibunya, Alzana Salimit, 42, berkata beliau bangga dengan semangat anaknya untuk terus bangkit selepas kemalangan berkenaan.

"Saya sendiri tidak tahu dari mana kekuatan yang Nisa peroleh dan sebagai ibu, saya juga reda serta menerima ketentuan Allah apabila Nisa diuji sebegini.

"Saya kini menjadi tulang belakangnya. Oleh itu, saya akan sentiasa menyokong segala keputusan yang dibuat olehnya," katanya.

Kisah mengenai Nisa menjadi viral apabila ia dikongsi oleh seorang aktivis masyarakat melalui akaun media sosialnya.

Info

## Nisa Ubaidah Zailan

➔ Anak kedua daripada lima beradik.

➔ Memperoleh 4A, 3B, 1C dan 1D dalam SPM 2016.

➔ Membuat dan menjual biskut emping jagung madu untuk menambah duit poket jika berjaya ke universiti.

➔ Bercadang menyambung pengajian dalam pendidikan awal kanak-kanak.

**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video